



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### LAWATAN YAB TPM MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KE SEKOLAH KEBANGSAAN PUTRAJAYA PRESINT 9(2) DAN PENYERAHAN KAD OKU BAHARU

**PUTRAJAYA, 7 Mac** - YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan lawatan ke SK Putrajaya Presint 9(2) untuk menyerahkan Kad OKU (Orang Kurang Upaya) baharu yang dikeluarkan mengikut sub kategori di bawah Kategori OKU Pembelajaran dan meninjau kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Bahagian Pendidikan Khas memperkenalkan 3 jenis pendidikan kepada murid berkeperluan khas (MBK) iaitu Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Pendidikan Inklusif. Di Putrajaya di bawah PPKI pada tahun ini terdapat seramai 336 murid berkeperluan khas di 4 buah sekolah menengah dan 218 murid berkeperluan khas di 5 buah sekolah rendah. Di SK Putrajaya Presint 9 (2) terdapat 104 murid berkeperluan khas. Terdapat pelbagai kemudahan tambahan disediakan oleh pihak KPM dengan kerjasama pihak swasta kepada murid berkeperluan khas seperti bilik multi sensori, bilik *snoezelen*, bilik *play room* sebagai terapi.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mendaftarkan OKU mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Bagi pemegang Kad OKU di bawah Kategori Masalah Pembelajaran, KPWKM telah memperkenalkan kategori Pembelajaran dengan

menyatakan enam (6) sub kategori sama ada *Global Developmental Delay* (GDD), *Down Syndrome*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), Autisme, Intelektual atau *Specific Learning Disability* (LD) pada Kad OKU yang baharu.

Perubahan ini diharap akan memberi peluang dan ruang kepada kanak-kanak OKU Pembelajaran untuk mendapatkan intervensi dan pemulihan yang lebih khusus secara sistematik.

Pemilik kad yang berhasrat untuk menukar kad, boleh ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berdekatan mulai 1 Mei 2019.

###

Disediakan oleh:

**Jabatan pembangunan Orang Kurang Upaya**

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Aras 6, No 55 Persiaran Perdana

Presint 4, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8323 2483